

**GEREJA KRISTUS LIKAS**
*Mengenal dan Memperkenalkan Kristus*
**Bisyop Diosis: The Rt. Rev. Datuk Melter Jiki Tais**
**Suffragan Bisyop: The Rt. Rev. Kenneth Thien Su Yin**
**Rektor: The Ven. (E) Moses Chin Su Hyun**

**Hubung**
**P. O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,**
**88670 Kota Kinabalu, Sabah.**

**Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-661 1558**
https://christchurchlikas.org/ | cclikas@gmail.com

# Minggu 2 Sebelum Adventus – 15 November 2026

## Doa Hari Ini

Tuhan Allah Penebus kami, Engkau mendengar seruan umat-Mu, dan mengutus hamba-Mu Musa untuk menuntun mereka keluar daripada perhambaan; lepaskanlah kami daripada penindasan dosa dan maut dan dengan pimpinan Roh Kudus-Mu, bawalah kami ke tanah perjanjian kami, melalui Yesus Kristus Tuhan kami. Amin.

Injil - Matius 25:14-30 | Bacaan Responsif- Mazmur 90:1-12




Kebaktian BM disiarkan secara langsung, 11:30 pagi.:
YouTube: https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams

Selamat datang ke pertemuan jemaat Tuhan. Marilah kita bersama-sama menghadap Tuhan Yesus yang telah bangkit, dan saling menguatkan untuk hidup setia dan mentaati-Nya.

1. **HEBAHAN MISI** – 'Mengasihi dan Melayani'
   Bulan ini merupakan Bulan Misi. Kita berdoa, memberi dan menggerakkan lebih ramai orang untuk terlibat dalam pelayanan misi di luar lingkungan gereja kita sendiri.
   - Kita mengucapkan terima kasih kepada pasukan kapal misi **Doulos Hope** yang telah mengunjungi kelompok sel dan pelbagai pelayanan gereja. Mereka akan kembali ke kapal pada 20 November. Berdoa agar mereka terus diberkati dalam pembelajaran dan pelayanan mereka.
   - Tim misi CCL:
     - Tim Misi 2 telah kembali dari Nunukan dan Seimenggaris dengan sukacita setelah mengadakan kem kebangunan rohani dan pelayanan firman Tuhan dalam kebaktian.
     - Tim Misi 3 (7–10 Disember) akan mengadakan Kem Kanak-kanak sempena Krismas di Sook, dipimpin oleh Pastor Margaret bersama pasukan gereja.
       Gereja di Sook menyasarkan penyertaan lebih 200 orang kanak-kanak.
   - **Bazar Misi**, hari ini – Jemput singgah dan lihat pelbagai barangan yang ditawarkan pada hari ini. Semua hasil jualan akan disalurkan kepada Dana Kebajikan dan Misi. Sumbangan wang tunai juga amat dialu-alukan.

2. **MARILAH BERDOA**
   Esok malam, jam 8.00 malam, akan berlangsung pertemuan doa ADOS-W yang terakhir bagi tahun ini di Gereja Anglikan Manggatal. Ketiga-tiga kumpulan bahasa akan bergabung dalam pertemuan ini. Marilah kita bersama-sama hadir dan berdoa.

3. **MARILAH RAYAKAN**
   8–11 Disember (Selasa–Jumaat) – Sambutan Krismas Sabah akan berlangsung di Padang Merdeka, dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK). Marilah kita bersama-sama meraikan Krismas dengan masyarakat setempat.
   - Koir 500 suara, termasuk koir gereja kita, akan membuat persembahan pada malam pembukaan dan penutupan;
   - Tempahan gerai jualan kini dibuka. Sila hubungi Kaunter Khidmat untuk maklumat lanjut. Bayaran sewaan dikenakan.

4. **KRISMAS-RIA DI CCL**
   13 Dis, Ahad – Nikmati malam yang santai dengan makanan, aktiviti menyeronokkan dan persekutuan bersama di padang gereja kita:
   - galakkan anak-anak menyertai Pertandingan Nyanyian Krismas pada 12 Dis. Hadiah menarik menanti para pemenang, dan akan membuat persembahan di Krismas-Ria. Sila daftar sebelum 5 Dis. Info lanjut di Meja Pelayanan;
   - tempah T-shirt acara;
   - buka gerai jualan;
   - jemput rakan-rakan untuk turut hadir.

5. **KRISMAS & TAHUN BARU DI CCL**
   - 4 Dis, Jumaat – Belia CH; Muda-mudi SOMA
   - 5 Dis, Sabtu – *Evergreens*; Pelajar sekolah - JOY Club
   - 6 Dis, Ahad – kanak-kanak BLAST; kanak-kanak CH; SOMA Belia & pelajar kampus UCF
   - 12 Dis, Sabtu – Muda-mudi *Breakthrough*; muda-mudi *Faith*
   - 13 Dis, Ahad – Krismas-Ria – (rujuk maklumat di atas)
   - 19 Dis, Sabtu – kanak-kanak Pelita Kecil
   - 24 Dis, Malam Menjelang Krismas, Kha, 8:00 pm – Kebaktian Malam Krismas dengan nyanyian karol, pembacaan Alkitab, firman dan drama kelahiran Yesus. Tiada Perjamuan Kudus.
   - 25 Dis, Hari Krismas, Jum – 3 Kebaktian Perjamuan Kudus pada waktu seperti biasa, diikuti dengan jamuan Krismas.
   - 31 Dis, Kesyukuran, Kha, 8:00 mlm – Ibadah Kesyukuran, diikuti dengan BBQ dan pertunjukan bunga api.

6. **DANA VAN GEREJA**
   Setakat ini, dana van gereja berjumlah RM92,471.07 daripada sasaran RM185,000. Marilah kita memberi dengan murah hati!

7. **PELAYANAN LAINNYA**
   - Hari ini:
     - Kalendar ATI kini dijual. Semua hasil jualan akan disalurkan kepada ATI.
     - Bunga hari ini disumbangkan oleh Dina Bunga dan keluarga.
   - 21 Nov, 9:30 pg – **Evergreens**, Dewan Omega.
   - 21 Nov, 2:00 pg – Mesyuarat **PCC**.
   - 26 Nov, 8:00 pg – **Perjamuan Kudus Rumah**

**UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN**
**RHB Bank | 2-10103-0001913-1**
**Christ Church Likas**
**Boost: https://myboost.app.link/FPvG94VIT4**

## 'YANG KUKEHENDAKI IALAH MENGENAL KRISTUS'

- Filipi 3:10

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Bacaan Alkitab minggu ini | Is, Nov 16 | Efe 5 | Mz 146 | Jum, Nov 20 | Fil 3 | Mz 150 |
| | Sel, Nov 17 | Efe 6 | Mz 147 | Sab, Nov 21 | Fil; 4 | Ams 1 |
| | Rab, Nov 18 | Fil 1 | Mz 148 | Ahd, Nov 22 | Kol 1 | Ams 2 |
| | Kha, Nov 19 | Fil 2 | Mz 149 | | | |

"Gunakan Talenta dengan Bijaksana" - Renungan dan Perbincangan:

a. Jika anda diberikan satu jam tambahan setiap hari, bagaimana anda akan menggunakannya? Jelaskan jawapan anda.
b. Baca perumpamaan dalam Matius 25:14–30. Apakah yang kita pelajari tentang karunia dan peluang yang Tuhan berikan kepada setiap kita? Mengapakah kita kadangkala gagal menggunakannya?
c. Dalam ayat 24–27, Mengapakah ketakutan menghalang kita menggunakan apa yang Tuhan percayakan kepada kita? Bagaimana kita dapat mengatasinya dan bertindak dengan setia?
d. Mazmur 90:10 mengingatkan kita bahawa hidup ini singkat. Bagaimanakah kita harus menggunakan waktu dengan bijaksana? Berikan contoh cara hidup yang sia-sia dan bijaksana.
e. Menjelang akhir tahun, nyatakan dua karunia atau kebolehan yang anda syukuri. Kongsikan pengalaman menggunakannya dan bagaimana anda boleh mengembangkannya untuk pelayanan pada tahun hadapan.
f. Pilih seorang ahli kumpulan sel anda dan nyatakan satu karunia yang anda lihat dalam dirinya.

**UNTUK DIDOAKAN**

**Provinsi yang Kita Kasihi**

- Berdoa untuk pekerjaan misi di Kemboja dan Vietnam. Berdoa agar lebih ramai pemimpin tempatan dibangkitkan untuk menyebarkan kasih Tuhan melalui bidang pendidikan, penjagaan kesihatan dan penubuhan gereja.

**Diosis yang Kita Kasihi**

- Berdoa untuk pekerjaan misi kita di Kalimantan Utara (Kaltara), khususnya di Tarakan, Nunukan, Seimenggaris, Sebakis, Seikalayan, Malinau dan Tanjung Selor. Berdoa untuk Rev. Yakobus serta seluruh pasukan paderi, pastor dan para pekerja gereja. Berdoa agar gereja-gereja di kawasan tersebut terus diteguhkan dalam iman dan kesaksian mereka.

**Diri sendiri**

- Berdoa agar kita semakin aktif terlibat dalam pelayanan misi di luar tembok gereja serta mengalami perubahan dan terobosan dalam cara kita berfikir dan bertindak terhadap pekerjaan misi.

- Doakan untuk mereka yang dalam keperluan khusus, baik minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda.